



**PEPERIKSAAN AKHIR / FINAL EXAMINATION  
SEMESTER II – SESI 2020/2021**

KOD KURSUS : CSC3153 / CMM3523  
 COURSE CODE

NAMA KURSUS : E-PERNIAGAAN  
 COURSE NAME : E-BUSINESS

TAHUN/PROGRAM : 2, 3 / DPP  
 YEAR/PROGRAMME : 2, 3 / DPP

TEMPOH : 2 JAM 30 MINIT  
 DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES

TARIKH : APRIL 2021  
 DATE

**ARAHAN  
INSTRUCTION**

1. JAWAB SEMUA SOALAN.  
ANSWER ALL QUESTIONS.
2. TULIS JAWAPAN ANDA DI DALAM KERTAS JAWAPAN ANDA.  
WRITE YOUR ANSWER ON YOUR ANSWER SHEET.
3. CALON DIKEHENDAKI MEMATUHI SEMUA ARAHAN DARIPADA PENGAWAS PEPERIKSAAN.  
CANDIDATES ARE REQUIRED TO FOLLOW ALL INSTRUCTIONS GIVEN BY THE EXAMINATION INVIGILATORS.

NO. K/P I/C NO.	
TAHUN/PROGRAM YEAR/PROGRAMME	
NAMA PENSYARAH LECTURER'S NAME	

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **10** MUKA SURAT BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN  
 THIS EXAMINATION PAPER CONSISTS OF **10** PAGES INCLUDING THE FRONT PAGE

**BAHAGIAN A (10 markah)****[PART A (10 marks)]****SOALAN BENAR SALAH / TRUE FALSE QUESTIONS**

ARAHAN : Jawab T (Benar) / F (Salah) di dalam kertas jawapan.

*[INSTRUCTION: Answer T (True) / F (False) in the answer sheet.]*

1. E-dagang merujuk kepada integrasi *Information Communication Technology (ICT)* yang dilaksanakan oleh sesebuah syarikat untuk meningkatkan nilai antara syarikat, pelanggan dan rakan kongsi.  
*[E-commerce refers to the integration of Information Communication Technology (ICT) undertaken by a company to increase the value of the company, customers and partners.]*
2. *E-Agihan* merupakan salah satu model perniagaan *Business to Consumer (B2C)*. *[E-Distributor is one of the Business to Consumer (B2C) Business Model.]*
3. *Affiliate* merupakan model pendapatan yang mana sumber pendapatannya diperolehi daripada penjualan produk, maklumat atau pekhidmatan.  
*[Affiliate is a revenue model which is the revenue source come from sales of goods, information or services.]*
4. Katalog atas talian memudahkan carian produk menggunakan kriteria carian seperti jenama produk, harga dan sebagainya.  
*[Online catalog make it easy for product searching using search criteria such as product brand, price and so on.]*
5. Model perniagaan *Consumer to Consumer (C2C)* merupakan model yang menghubungkan antara pelanggan dengan pelanggan yang lain.  
*[Consumer to Consumer (C2C) business model is a model that connect consumers with other consumers.]*
6. *Business to Business (B2B)* adalah hubungan komersial antara syarikat dengan pekerja.  
*[Business to Business (B2B) is a commercial relationship between the company and employee.]*
7. Pengurusan Rantaian Bekalan (*SCM*) akan memastikan kerjasama yang baik antara para pembekal dan peruncit.  
*[Supply Chain Management (SCM) will ensure better coordination between the wholesalers and retailers of various products.]*

8. “Pengedaran kandungan digital seperti berita, muzik, video dan kerja seni melalui laman web”. Pernyataan ini menerangkan tentang model perniagaan *Business to Consumer (B2C)* bagi kategori pembekal kandungan.

*[“Distribution digital content like news, music, video, artwork over the internet”. This statement explaining about content provider category of Business to Consumer (B2C) Business model.]*

9. *Packet switching* adalah kaedah yang memotong mesej digital kepada paket - paket, menghantar paket melalui laluan komunikasi dan seterusnya mencantumkan semula paket sebaik sahaja tiba di destinasi.

*[Packet switching is a method of slicing digital messages into packets, sending the packets along different communication paths and then reassembling the packets once they arrive at their destination.]*

10. *Supply Change Management (SCM)* merujuk kepada alat dan cara bagaimana untuk memperbaiki dan mengautomasikan bekalan melalui pengurangan stok dan masa penghantaran.

*[Supply Change Management (SCM) refers to the tools and methods which improve and automate the supply through the reduction of stock and delivery times.]*

**BAHAGIAN B (10 markah)****[PART B (10 marks)]****SOALAN PADANAN / MATCHING QUESTIONS**

ARAHAN: Sila pilih jawapan di dalam kotak pilihan jawapan yang disediakan di bawah dan isi jawapan anda di kertas jawapan.

*INSTRUCTIONS: Please select the answer choices in the box provided below and fill in your answer in answer sheets.*

A) <i>Cyber consumer</i>	H) <i>E-tailer</i>	O) <i>Spam</i>
B) <i>Yahoo!</i>	I) <i>JIT (Just in Time)</i>	P) <i>Business to Administration (B2A)</i>
C) <i>E-Bay.com.my</i>	J) <i>Amazon</i>	Q) <i>IP Address</i>
D) <i>Uniform Resource Locator (URL)</i>	K) <i>Domain Name System (DNS)</i>	R) <i>AOL</i>
E) <i>Brick &amp; Mortar</i>	L) <i>Click &amp; Mortar</i>	S) <i>E-Perniagaan/ E-Business</i>
F) <i>E-Dagang/E-Commerce</i>	M) <i>Business to Consumer(B2C)</i>	T) <i>Business to Employee (B2E)</i>
G) <i>Paypal</i>	N) <i>Web 2.0</i>	U) <i>Amazon.com</i>

- Seorang pelanggan yang membeli di Internet dipanggil \_\_\_\_\_.  
[*A client who purchases on the Internet is called a \_\_\_\_\_.*]
- \_\_\_\_\_ merupakan laman web yang menggunakan model yuran transaksi.  
[*\_\_\_\_\_ is a Website that use transaction fee model.*]
- 192.12.0.1 adalah salah satu contoh bagi \_\_\_\_\_.  
[*192.12.0.1 is an example of \_\_\_\_\_.*]
- \_\_\_\_\_ ialah jenis hubungan antara syarikat dan pekerja.  
[*\_\_\_\_\_ is relationship between company and employee.*]
- \_\_\_\_\_ merujuk kepada Integrasi *Information Communication Technology (ICT)* yang dilaksanakan oleh sesebuah syarikat untuk meningkatkan nilai antara syarikat, pelanggan, dan rakan kongsi.  
[*\_\_\_\_\_ are refers to the integration of Information Communication Technology (ICT) undertaken by a company to increase the value of the company, customers and partners.*]

6. Hubungan antara syarikat dan orang awam dikenali sebagai \_\_\_\_\_.  
*[The relationship between company and public are known as \_\_\_\_\_.]*
7. \_\_\_\_\_ merupakan emel yang tidak diminta yang mungkin memberi kesan tidak baik kepada pemilik email.  
*[\_\_\_\_\_ is an email that was not asked that might be harmful to owners' email.]*
8. \_\_\_\_\_ merupakan cara pembayaran *online*.  
*[\_\_\_\_\_ is a method of payment online.]*
9. \_\_\_\_\_ merupakan laman web yang berfungsi untuk menarik pelanggan. *[\_\_\_\_\_ is a Website that serves to attract customers.]*
10. Perniagaan tradisional dikenali juga sebagai \_\_\_\_\_.  
*[Tradisional business is also known as \_\_\_\_\_.]*

**BAHAGIAN C (55 markah)****[PART C (55 marks)]****SOALAN BERSTRUKTUR / STRUCTURED QUESTIONS**

ARAHAN: Jawab semua soalan.

*[INSTRUCTION: Answer all of the question.]*

1. Bezakan istilah-istilah berikut:

*[Differentiate term below:]*

- a. E-Perniagaan dan E-Perdagangan. Sokong jawapan anda dengan rajah dan penerangan yang bersesuaian.

*[E-Business and E-Commerce. Support your answer with appropriate figure and explanation]*

(4 markah / marks)

- b. "Front Office" dan "Back Office" daripada segi aktiviti dan siapa terlibat.

*[Front Office and Back Office in term of activities and who was involved aspects.]*

(4 markah / marks)

- c. "Traditional Marketplace" dan "Virtual Marketplace" juga beri contoh yang bersesuaian untuk setiap satu.

*[Traditional Marketplace and Virtual Marketplace also give appropriate example for each.]*

(4 markah / marks)

2. Terangkan **TIGA (3)** jenis Model Pendapatan beserta dengan contoh.

*[Explain **THREE (3)** types of Revenue Models with examples.]*

(6 markah / marks)

3. Bezakan **DUA (2)** jenis lelongan dalam sistem pembayaran e-dagang.

*[Differentiate **TWO (2)** types of auctions in e-commerce payment system]*

(4 markah / marks)

4. Sebagai seorang pemilik perniagaan yang baru meningkat naik, Irsyad ingin mempromosikan perniagaan agar dikenali ramai. Irsyad memilih untuk melaksanakan pemasaran atas talian. Pada pendapat anda kenapa Irsyad memilih kaedah tersebut dan senaraikan **EMPAT (4)** cara pelaksanaan pemasaran atas talian.

*[As a newly emerging business owner, Irsyad wants to commercialize the business to be known. Irsyad chose to carry out online marketing. In your opinion why, Irsyad does choose that method and list **FOUR (4)** methods to carry out online marketing.]*

(10 markah / marks)

5. Berikan **LIMA (5)** nama portal yang paling popular.

*[State **FIVE (5)** name of the most popular portals.]*

(5 markah / marks)

6. Komuniti maya merujuk kepada kawasan dalam talian di mana orang yang berkongsi hubungan biasa boleh berinteraksi antara satu dengan yang lain.

*[Virtual communities refer to an area online where people who share common relationship can interact with one another.]*

Terangkan **TIGA (3)** ciri –ciri Internet dan laman web yang sesuai dengan E-Perdagangan.

*[Explain **THREE (3)** Internet and Website features that relevant to E-commerce.]*

(6 markah / marks)

7. Jelaskan **TIGA (3)** penggodam yang anda

tahu. *[Explain **THREE (3)** hackers you know.]*

(6 markah / marks)

8. Tentukan kaedah pembayaran untuk setiap kes dibawah.

*[Identify the method of payment for each case below.]*

(6 markah / marks)

<b>Bil</b>	<b>Kes/[Case]</b>	<b>Kaedah Pembayaran/ [payment method]</b>
a)	<p>Anis membeli sepasang baju melalui laman web AliExpress. Beliau membuat pembayaran menggunakan Paypals.</p> <p><i>[Anis buy a pair of clothes via AliExpress's website. She makes payments using Paypals.]</i></p>	
b)	<p>Basyir pergi ke pasaraya untuk membeli barangan runcit. Dia memberi kad kepada juruwang sebagai bayaran. Juruwang memberikan kepadanya resit yang perlu ditandatangani selepas swap kad pada pembaca kad.</p> <p><i>[Basyir goes to store for shopping groceries. He gives a card to the cashier as a payment. The cashier gives him a receipt that needs to be sign after swap the card on a card reader.]</i></p>	
c)	<p>Hazwani pergi ke klinik untuk mendapatkan rawatan doktor. Semasa ingin mengambil ubat, beliau memberikan sejumlah wang kepada petugas kaunter sebagai bayaran perkhidmatan yang telah diterima.</p> <p><i>[Hazwani goes to the clinic for a doctor's treatment. When he gets the medicine, he gives some amount of money to the counter staff for a service fee.]</i></p>	



**BAHAGIAN D (25 markah)****[PART D (25 marks)]****SOALAN ESEI / ESSAY QUESTION**

ARAHAN : Tulis jawapan bagi soalan-soalan berikut pada kertas jawapan.

*INSTRUCTION: Write the answers for the following questions in the answer sheet.*

1. Bayangkan anda adalah pemilik laman web e-dagang.

*[Imagine you are the owner of e-commerce website.]*

- a. Nyatakan **TIGA (3)** ancaman keselamatan yang mungkin anda hadapi di persekitaran E-dagang

*[State **THREE (3)** of securities threat that are commonly faced in the environment of E-commerce.]*

(6 markah / marks)

- b. Berdasarkan jawapan anda pada 1(a), pilih **SATU (1)** ancaman dan huraikan kaedah yang sesuai untuk menangani ancaman tersebut.

*[Based on your answer in 1(a), choose **ONE (1)** threat and explain the suitable method to overcome that threat.]*

(3 markah / marks)

2. Soalan ini merujuk kepada projek akhir Perancangan Perniagaan yang telah dibuat. Anda dikehendaki untuk memberikan maklumat cadangan laman web E-dagang yang akan anda bina.

*[This question refers to your Business Plan final project . You are required to give the information's on your suggested e-commerce websites.]*

- a. Namakan laman web E-dagang anda  
*[Names of your E-commerce website]*

(1 markah / marks)

- b. Senaraikan **TIGA (3)** jenis model pendapatan yang akan anda gunakan sebagai sumber pendapatan.

*[List **THREE (3)** types of revenue model that you will use as a revenue source]*

(3 markah / marks)

- c. Nyatakan **DUA (2)** kekuatan laman web E-dagang anda berbanding laman web lain.  
*[State **TWO (2)** strengths of your E-commerce website differ to others websites.]*  
(4 markah / marks)
- d. Lakarkan cadangan rekabentuk antaramuka laman web e-dagang anda.  
*[Draw of your expected user interface design for E-commerce website.]*  
(8 markah / marks)

**SOALAN TAMAT**

***[END OF QUESTION]***